

# Semangat guna bahasa Melayu kurang

● GAMBAR HIASAN

**R**ATA-RATA semua pihak sangat bersetuju dan menyambut baik cadangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang akan mengaudit penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan agensi kerajaan.

Untuk itu DBP dilaporkan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengaudit penggunaan bahasa Melayu dalam semua dokumen rasmi kerajaan supaya dapat mengenal pasti tahap penggunaan bahasa kebangsaan itu setakat ini.

Menurut Ketua Pengarah DBP, Dr Awang Sariyan, masih ada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam dokumen urusan rasmi masing-masing, sebaliknya menggunakan bahasa Inggeris, termasuk dalam surat pekeliling dan minit mesyuarat bulanan.

Perkara ini berlaku kerana ada pegawai atasan dan penjawat awam tidak memahami atau terlepas pandang Dasar Bahasa Kebangsaan yang turut disokong Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Berdasarkan pemerhatian DBP, setakat ini didapati ada beberapa kementerian, jabatan dan agensi kerajaan mencapai tahap 80 hingga 90 peratus penggunaan bahasa Melayu dalam semua dokumen rasmi, manakala pada masa sama, masih ada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan tidak menggunakan bahasa Melayu dalam beberapa dokumennya, iaitu surat pekeliling dan laporan tahunan.

Ternyata pendedahan ini menunjukkan satu senario menarik untuk diperhalusi dan dihayati bersama oleh kita di mana dalam Perlembagaan sudah jelas terpahat bahasa Melayu adalah bahasa rasmi persekutuan.



**PENGUNAAN Bahasa Melayu perlu dizahirkan semua kakitangan awam dalam setiap urusan.**

Namun, apa yang menyedihkan kita ialah roh dan semangat yang dibawa oleh Perkara 152 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini tidak dihayati sepenuhnya dan seolah-olah sengaja dilupakan dan tidak dipedulikan sesetengah jabatan kerajaan yang lebih menjulang dan mengutamakan bahasa Inggeris.

Mereka rasa malu untuk menggunakan bahasa kebangsaan sendiri dengan melabelnya sebagai tidak standard. Akibatnya bahasa ini terus terabai dan dipinggirkan dalam urusan rasmi jabatan berkaitan.

Persoalannya, sejauh mana ia dilaksanakan mahupun dipatuhi? Siapa pula yang memantaunya? Ini kerana pada hari ini kebanyakan mesyuarat sudah mula dikendalikan

**PEMBACA** yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

[bhforum@bharian.com.my](mailto:bhforum@bharian.com.my)

kan dalam bahasa Inggeris termasuk dokumen yang diedarkan.

Malah, dalam kebanyakan majlis rasmi yang membabitkan kehadiran warganegara sepenuhnya pun masih dikendalikan dalam bahasa Inggeris mahupun bahasa rojak campuran antara bahasa Me-

layu dengan bahasa Inggeris.

Ringkasnya masih ada segelintir penjawat awam yang belum mampu menzahirkan roh dan semangat yang digariskan dalam Perkara 152 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan beberapa Pekeliling yang dikeluarkan pihak kerajaan.

Sepatutnya pelaksanaan dan penghayatan isu ini tidak wajar menjadi masalah kerana kerajaan juga melalui Pekeliling yang dikeluarkan itu menjelaskan dengan terperinci tanggungjawab dan peranan pegawai awam termasuk ketua jabatan dan juga anggota pentadbiran.

**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED,**  
*Serdang, Selangor.*